

AWER minta alasan tolak kerjasama projek loji

KUALA LUMPUR: Kerajaan Selangor diminta mengemukakan alasan kukuh berdasarkan bukti saintifik berikutan keengganannya bekerjasama dengan Kerajaan Pusat bagi Projek Loji Rawatan Air Langat Dua.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piarapakaran, berkata ia perlu bagi rakyat dan Kerajaan Pusat mengetahui sebab utama kerajaan Selangor menolaknya, sedangkan diketahui mampu menyelamatkan penduduk negeri itu daripada krisis air menjelang 2014.

Katanya, keengganannya kerajaan Selangor bekerjasama bagi melaksanakan projek berkenaan menyebabkan Kerajaan Pusat terpaksa melancarkan pelan mitigasi dengan kos RM606 juta bagi mengatasi kemungkinan berlaku masalah kekurangan air di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya menjelang 2014.

Beliau berkata, pelan mitigasi itu, bagaimanapun tidak dapat menjamin untuk mengatasi masalah bekalan air sehingga 2017, berikutan ia masih mempunyai risiko seperti berlakunya ketidaktentuan dalam sistem bekalan di dua fasa berkenaan iaitu dari Sungai Selangor dan Sungai Labu, Negeri Sembilan.

"Sehingga kini kerajaan Selangor masih tidak dapat memberikan bukti secara kukuh berikutan keengganannya tidak mengeluarkan surat perintah pembangunan pembinaan loji itu kerana kita perlu tahu atas sebab apa?"

"Ini disebabkan pelaksanaan pelan mitigasi yang membabitkan penyaluran air di Negeri Sembilan itu dikhuatiri tidak dapat mengatasi masalah berkenaan kerana seperti yang kita tahu Negeri Sembilan adalah negeri yang sedang membangun dan memerlukan banyak bekalan air," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas tindakan Kerajaan Pusat yang terpaksa melaksanakan pelan mitigasi bagi mengatasi masalah bekalan air sehingga 2017 serta membantu mengatasi kerugian pelaburan kerana banyak kilang yang sepatutnya dibina sekarang tidak dapat diteruskan.

Pelaksanaan itu terpaksa dilakukan susulan keengganannya kerajaan Selangor bekerjasama bagi menyediakan kawasan bagi projek itu.

Pada masa sama, Piarapakaran turut meminta kerajaan Selangor memuat turun laporan bulanan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) yang menyatakan bahawa bekalan air di negeri itu adalah mencukupi.